

DATE: 18/4/2008

Fakta krisis kehakiman 1988

TUN Mohd. Salleh Abas dilahirkan pada 1929 di Besut, Terengganu.

Memulakan kerjaya dalam perkhidmatan perundangan dan kehakiman sebagai majistret pada 1957. Beliau dilantik sebagai Ketua Hakim Negara (ketika itu dipanggil Lord President of the Supreme Court) pada 1984.

Pada Mac 1988, mewakili para hakim, Salleh mengutus surat kepada Yang di-Pertuan Agung ketika itu untuk menyatakan kekecewaan dengan tuduhan yang dilemparkan oleh Perdana Menteri (ketika itu) Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap badan kehakiman.

Dua bulan kemudian, Salleh telah digantung tugas dan Hakim Besar Malaya, Tan Sri Abdul Hamid Omar dilantik sebagai Pemangku Ketua Hakim Negara.

Salleh dihadapkan ke tribunal atas dakwaan salah laku. Beliau bertindak balas dengan memfailkan saman di Mahkamah Tinggi bagi mencabar status tribunal tersebut dari segi Perlembagaan.

Beliau turut memohon perintah penangguhan sementara terhadap tribunal tersebut tetapi permohonan itu ditolak.

Lima Hakim Mahkamah Agung bersidang dan membenarkan perintah sementara menghalang pelaksanaan tribunal tersebut.

Perintah tersebut kemudian diketepikan dan pada Ogos 1988, Salleh secara rasminya dipecat daripada jawatan Ketua Hakim Negara.

Lima Hakim Mahkamah Agung

yang membenarkan penangguhan sementara itu - Tan Sri Azmi Kamaruddin, Tan Sri Eusoffe Abdoolcader, Tan Sri Wan Hamzah Mohamed Salleh, Tan Sri Wan Sulaiman Pawanteh dan Datuk George Seah - kemudian digantung tugas.

Pada Oktober 1988, Wan Sulaiman (Allahyarham) dan Seah dipecat manakala jawatan tiga hakim lagi, Azmi, Eusoffe dan Wan Hamzah dikembalikan.

Pada 2006, Majlis Peguam membuka semula episod yang dikenali sebagai Krisis Kehakiman 1988 apabila majlis itu menggesa ia diseماك semula.

Pada tahun yang sama, Salleh, yang ketika itu berusia 77 tahun, yang selama ini membisu mengenai krisis tersebut, membuka mulut apabila menyokong cadangan Majlis Peguam.

Perkara itu kembali dihangatkan apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang baru, Datuk Zaid Ibrahim mencadangkan kerajaan meminta maaf dan membayar ganti rugi kepada Salleh, George Seah dan Wan Sulaiman berikutan krisis itu.

Bagaimanapun, cadangan tersebut ditolak oleh kerajaan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 10 April lalu, menyatakan bahawa kerajaan tidak perlu meminta maaf.

Bagaimanapun Abdullah berkata, kerajaan akan memutuskan kaedah yang sesuai untuk mengembalikan kedudukan Salleh.